

19 APR 1997

PERDANA MENTERI HUNGARY TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN PERIBADI

LANGKAWI, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Hungary, Gyula Horn dan isterinya, Anna tiba di sini malam ini untuk lawatan peribadi ke pulau bebas cukai sebelum memulakan lawatan rasmi ke Malaysia pada Isnin.

Mereka berdua tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada kira-kira pukul 8.05 malam dari Singapura dan disambut oleh Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan yang bertindak sebagai Menteri pengiring.

Horn dan isteri mempunyai acara berasingan esok dengan Perdana Menteri Hungary dibawa melawat Taman Lagenda serta Dataran Lang manakala isterinya, Anna akan berkunjung ke Kompleks Budaya Kraf, Makam Mahsuri dan Galeria Perdana iaitu muzium yang menempatkan koleksi cenderamata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Sementara itu, bendera negara akan turut dipasang di beberapa tempat di sini yang akan dilalui Horn.

Pada sebelah malam mereka akan diraikan pada majlis jamuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Mereka akan dihiburkan oleh Majlis Kebudayaan Langkawi yang akan mempersembahkan pelbagai tarian kebudayaan dan muzik asli.

Dalam lawatan rasmi ke Malaysia mulai Isnin ini, Horn akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Dr Mahathir dan juga menyaksikan perjanjian dua hala mengenai kerjasama saintifik dan teknologi antara kedua-dua negara, di ibu negara.

Dr Mahathir dijangka meraikan Horn dalam satu majlis makan malam di kediaman rasminya di Sri Perdana.

Horn akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada sebelah tengah hari sebelum menghadiri taklimat di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga dijangka melawat Menara Kuala Lumpur dan menara berkembar KLCC.

-- BERNAMA

NH PR